

Legasi Pak Lah rintis reformasi institusi, demokrasi lebih tulen

Oleh Aira Azhari
bhrencana@bh.com.my



Ketua Pegawai
Eksekutif, Institut
Demokrasi dan Hal
Ehwal Ekonomi
(IDEAS)

Kepulangan Tun Abdullah Ahmad Badawi ke Rahmatullah pada 14 April lalu mengingatkan penulis bahawa ini kali pertama rakyat, terutama generasi lahir selepas 1991, mengalami peristiwa kematian bekas Perdana Menteri.

Abdullah yang lebih mesra dipanggil Pak Lah adalah Perdana Menteri memimpin Malaysia mulai 2003 hingga 2009 bersama konsep Islam Hadhari. Apabila seorang negarawan meninggal dunia, menjadi kelaziman untuk memikir ulang sumbangan beliau, sama ada kepada partinya, negara mahupun masyarakat.

Pak Lah menjadi Perdana Menteri pada masa mencabar. Ketika itu, Malaysia menyaksikan pertukaran tampuk pimpinan Tun Dr Mahathir Mohamad.

Siapa boleh lupa pemerintahan Dr Mahathir selama 22 tahun sejak 1982 yang turut dikaitkan dengan percanggahan, pertumbuhan ekonomi pesat dan nama Malaysia melonjak di mata dunia.

Akan tetapi, berlaku juga dakwaan pelanggaran hak asasi manusia, pembungkaman suara pembangkang dan masyarakat sivil, pemusatan kuasa di tangan Perdana Menteri serta dominasi ahli perniagaan elit dan kaya dalam ekonomi dan pengaruh politik.

Kepemimpinan Pak Lah membawa nafas baharu kepada negara yang lelah dengan pemerintahan sama selama lebih dua dekad dan menyuluh

harapan selepas krisis politik dan ekonomi serius melanda pada akhir abad ke-20.

Menyingkap legasi Pak Lah, ramai yang skeptikal terhadap pencapaian beliau. Gambar sedang tidur dalam beberapa majlis menjadi bahan jenaka, justeru mengukuhkan persepsi beliau seorang Perdana Menteri tidak cekap dan lemah.

Ada juga tidak senang dengan menantu beliau, Khairy Jamaluddin dan kumpulannya, yang dikatakan pemutus kata sebenar kerajaan dari Tingkat 4, Jabatan Perdana Menteri, Kompleks Setia Perdana di Putrajaya.

Hari terawal reformasi institusi dilaksanakan

Sementara itu, istilah 'reformasi institusi' mungkin tidak begitu asing lagi ketika ini, namun sebenarnya, era pemerintahan Pak Lah adalah hari terawal reformasi institusi dilaksanakan di Malaysia.

Dalam tempoh pemerintahan beliau yang agak pendek, beberapa inisiatif konkrit diambil untuk menambah baik usaha membanteras rasuah serta meningkatkan ketelusan institusi kehakiman dan polis.

Badan Pencegah Rasuah (BPR) yang ditubuhkan pada 1997 digantikan dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada 2008. SPRM yang masih wujud hingga kini adalah entiti lebih cekap, berkesan, bebas dan telus berbanding BPR.

Institusi kehakiman pula diperkasakan dengan penubuhan Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman (JAC) pada 2009. JAC ditubuhkan bagi memastikan proses pencalonan, pelantikan dan kenaikan pangkat bagi hakim mahkamah atasan

adalah lebih telus serta lebih menyeluruh.

Ruang demokrasi juga terbuka lebih luas pada zaman Pak Lah. Permulaan sejarah Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil (BERSIH) berlaku pada 2005 dan perhimpunan BERSIH pertama dijalankan pada 2007.

Sumbangan gerakan BERSIH kepada demokrasi Malaysia amat penting. Pembukaan ruang demokrasi pada 2007 menandakan permulaan era baharu dalam sejarah masyarakat sivil dan aktivisme di Malaysia.

Akhir sekali, pembebasan Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 2004, walaupun mungkin bukan atas arahan Pak Lah, tetapi beliau tidak menghalangnya.

Ia detik bersejarah memungkinkan Anwar kembali aktif dalam dunia politik, seterusnya berjaya menjadi Perdana Menteri pada November 2022 meskipun menempuh pelbagai liku di dalam sela masa 17 tahun.

Harus diakui, tidak mungkin wujud pemerintahan Perdana Menteri ke-10 (PMX) pada hari ini jika pembebasan beliau pada 2004 tidak berlaku.

Saat ini menjadi waktu sesuai untuk seluruh rakyat Malaysia merenung sebenar-benar makna berkhidmat untuk negara. Legasi Pak Lah wajar diteladani kerana sukar untuk menemui seorang tokoh politik yang kurang ataupun sukar dibenci masyarakat.

Kita hidup pada era yang mana kepercayaan terhadap sistem demokrasi, institusi dan ahli politik semakin rapuh serta sering mengundang kemarahan rakyat. Pak Lah memimpin Malaysia pada era berbeza, satu zaman kesederhanaan dan kerendahan hati dirai dan kini dirindui.